

Telefon bimbit Zalina dimatikan 20 November

Polis berpendapat Zalina mungkin hilang lebih awal

SHAH ALAM

Kali terakhir telefon bimbit bekas pembaca berita TV3, Zalina Shaharah Azman atau dikenali sebagai Zalina Azman dikesan aktif adalah pada 20 November tahun lepas, empat hari sebelum anak telaknya cuba membuat panggilan kepada wanita itu.

(tiada rekod panggilan keluar atau masuk).

"Sama ada kerana sudah habis bateri, itu kita tidak dapat pastikan," katanya kepada *Bernama* ketika melakukan lawatan di rumah wanita berusia 58 tahun itu bersama Pengerusi Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (*Bernama*),

Senator Datuk Ras Adiba Radzi.

Mohd Iqbal berkata, keadaan



ZALINA

lam pengubahsuaian kediaman itu (rumah Zalina) yang mungkin boleh membantu siasatan," katanya.

Beliau berkata, setakat ini, seramai enam individu telah dipanggil dan dirakam keterangan sejak laporan polis mengenai kehilangan itu dibuat.

Sebelum ini, Mohd Iqbal dilaporkan berkata, Zalina dipercayai

Enam ahli keluarga dirakam percakapan

SHAH ALAM - Enam ahli keluarga bekas pembaca berita TV3, Zalina Azman yang dipercayai hilang sejak November tahun lalu telah dirakam percakapan setakat ini.

Ketua Polis Daerah Shah Alam, Asisten Komisioner Mohd Iqbal Ibrahim berkata, rakaman

keterangan diambil selepas laporan polis dibuat oleh mereka sebelum ini.

"Setakat ini siasatan lanjut masih dijalankan dan kita telah rakam keterangan enam ahli keluarga Zalina," katanya dalam kenyataan pada Jumaat.

Beliau berkata, polis juga kini sedang menyasiat dakwa-



MOHD IQBAL

an pengubahsuaian di rumah milik Zalina terhenti beberapa bulan sebelum kehilangannya.

"Polis sedang menyasiat dakwaan tersebut dan pekerja terlibat sedang dikesan untuk dirakam keterangan,"

ujarnya.

Pada Isnin, Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Shah Alam mengeluarkan hebahan mengenai kehilangan Zalina.

Mohd Iqbal berkata, laporan berkaitan kehilangan dibuat oleh anak mangsa yang mendakwa gagal menghubungi ibunya sejak 24 November 2021.

banggikan kepada wanita itu.

Ketua Polis Daerah Shah Alam, Asisten Komisioner Mohd Iqbal Ibrahim berkata, menerusi semakan dan siasatan dibuat, polis berpendapat berkemungkinan Zalina hilang lebih awal dari tarikh yang dilaporkan.

"Kalau anaknya tidak cuba telefon, kita pun tidak tahu dia hilang.

"Berkemungkinan Zalina telah hilang lebih awal tapi tidaklah awal sangat sebab kita dah semak dan pada 20 November di dapati telefoninya telah dimatikan

Mohd Iqbal berkata, keadaan rumah Zalina Shaharah yang didapati tidak tersusun adalah disebabkan kediaman itu sedang dalam proses pengubahsuaian untuk menjadi sebuah galeri.

Sementara itu, dalam kenyataan, beliau berkata, polis kini sedang mengesan pekerja yang pernah melakukan kerja pengubahsuaian bagi membantu siasatan kes kehilangan bekas personaliti televisyen itu.

"Kita masih menjalankan siasatan, kini sedang mengesan pekerja-pekerja yang terlibat da-

lapor berkata, Zalina dipercayai masih berada di dalam negara susulan tiada pergerakan keluar membabitkan wanita berkenaan yang dikesan pihak berkuasa.

Pihak polis menerima laporan mengenai kehilangan tersebut daripada anak lelaki Zalina, Mikhael Norman, 33, pada 29 November tahun lepas yang cuba menghubungi ibunya sejak 24 November 2021 bagi memaklumkan datuk pengadu telah dimasukkan ke hospital, namun wanita itu tidak dapat dihubungi. - *Bernama*

Ras Adiba minta kerjasama syarikat *e-hailing* cari Zalina

SHAH ALAM - Pengerusi Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (*Bernama*), Senator Datuk Ras Adiba Radzi akan mendapatkan kerjasama daripada syarikat *e-hailing* bagi membantu usaha pencarian rakan baiknya, Zalina Shaharah Azman atau lebih dikenali sebagai Zalina Azman.

"Saya bersama suami dan beberapa sahabat ada berusaha dengan cara tersendiri bagi mencari Zal (Zalina) tetapi selepas ini saya akan bersama syarikat *e-hailing* untuk mereka menguaruarkan mengenai kehilangannya," kata beliau kepada *Bernama* dan TV3.

Beliau ditemui ketika melakukan lawatan ke rumah bekas pembaca berita TV3 itu di Seksyen 3 di sini bersama Ketua Polis Daerah Shah Alam, Asisten Komisioner Mohd Iqbal Ibrahim.

"Saya datang nak periksa sekiranya Zal ada pulang tetapi ternyata rumah ini sama seperti yang mereka jumpa tahun lepas

dan kami akan terus berdoa agar beliau masih selamat di luar sana," katanya.

Menurut Ras Adiba, beliau ke Ibu Pejabat Polis Daerah Shah Alam pagi Jumaat bagi memberikan sedikit informasi kepada polis berkenaan wanita berusia 58 tahun itu dan berharap sahabat yang lain dapat juga memberi kerjasama agar dapat merungkai misteri kehilangan bekas rakan sekerjanya itu.

"Ramai yang cakap sudah terlalu lama (hilang) tapi bukan mudah untuk dapatkan jawapannya kalau ada orang hilang secepat mungkin tapi dengan sokongan semua, insya-ALLAH kita akan dapat sedikit maklumat di mana Zalina Azman berada dan bagaimana keadaannya.

"Sejak saya kenal dia dari



RAS ADIBA

awal tahun 1990-an, beliau tidak ada sakit apa-apa. Memang sentiasa gembira tapi kita boleh lihat daripada gambar-gambar yang dikongsi nampak badannya telah susut.

"Jadi ramai yang tanya sakit apa, adakah dia dalam kekusaran tapi saya kata

tidak tahu sebab saya pun dah lama tak bertemu beliau seperti sahabat-sahabat yang lain dan mereka yang prihatin di luar sana bantulah sama-sama mencari Zalina," kata Ras Adiba.

Pada Isnin lepas, Mohd Iqbal dalam satu kenyataan berkata, pihak polis menerima laporan daripada anak lelaki Zalina, Mikhael Norman, 33, berkenaan kehilangan wanita tersebut pada 29 November tahun lalu.

- *Bernama*